

13 OCT 1996

#### KERAJAAN AKAN AMBIL TINDAKAN TERHADAP SETINGGAN PROFESIONAL

GOPEANG, 13 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap "setinggal profesional" terdiri daripada mereka yang sering mencari peluang mendapatkan peruntukan rumah kos rendah dengan berpindah ke kawasan setinggal yang dikenalpasti akan dibangunkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini berkata kementerian mengenalpasti wujudnya segelintir masyarakat setinggal yang berbuat demikian dan bercadang menarik balik peruntukan rumah kos rendah kepada mereka jika didapati dakwaan terhadap mereka benar.

Setakat ini 100 projek membina 35,000 rumah kos rendah sedang giat dijalankan bernilai RM1,100 juta untuk membantu mengurangkan masalah setinggal di bandar-bandar besar, katanya kepada pemberita di sini.

Beliau sebelum itu menyampaikan sijil hak milik tanah kepada 127 peserta projek kampung tersusun di Lawan Kuda, Kopisan Baru dan Kg Rawa.

Ting berkata Kementerian berkenaan sedang mengumpul maklumat mengenai setinggal, daripada kerajaan negeri dan majlis perbandaran bagi mencari jalan mengatasi masalah itu yang semakin serius.

Tindakan pertama akan diambil terhadap setinggal rakyat tempatan di Kuala Lumpur yang merupakan satu daripada tiga kategori setinggal selain setinggal pendatang dengan izin dan pendatang tanpa izin.

Katanya maklumat itu akan diserahkan kepada jawatankuasa khas yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghasilkan satu pelan tindakan. -- BERNAMA

HK NHD RON